

PIPIT KUNING
Yellow Wagtail

FAMILI: Motacillidae
NAMA SAINTIFIK: *Motacilla flava*



CIRI-CIRI

Burung ini, semasa musim membiak; berwarna hijau buah zaitun di bahagian atas badan, kuning di bahagian bawah badan dengan tekak berwarna keputihan. Warna di jambul, belakang dan tepi kepala adalah kekelabuan manakala kening adalah putih. Semasa di luar musim membiak pula, diperhatikan bahawa warna di bahagian kepala adalah lebih pudar dan di bahagian bawah badan adalah lebih cerah. Bagi burung betina pula, warna keseluruhan adalah lebih pudar jika dibandingkan dengan burung jantan. Anggaran saiz burung ini adalah lebih kurang 18 sm.

MAKANAN

Ia lebih banyak menghabiskan masa dengan berjalan dan berlari di atas tanah. Ia selalunya mencari makanan dalam kumpulan-kumpulan kecil di kawasan berumput di mana terdapat serangga-serangga kecil yang menjadi makanan utamanya.

HABITAT

Spesies ini biasanya boleh dijumpai kawasan seperti di dalam hutan, kawasan terbuka dan kawasan perladangan. Burung ini lebih mudah dijumpai di kawasan yang berhampiran dengan kawasan berair dan boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,200 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi kasar *chrzepp...chrzepp..* sebanyak 2-3 kali.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.